

Untuk Siaran Segera

MRC BANTU BEKAL LORI TANGKI AIR, 25 UNIT TANGKI STATIK DAN 25 UNIT PAM KEPADA PENDUDUK KAMPUNG DI KUALA NERUS YANG TERJEJAS AKIBAT GANGGUAN BEKALAN AIR

KUALA NERUS, 6 OGOS 2021 – Majlis Getah Malaysia (MRC) melalui program Bantuan Prihatin MRC dengan kerjasama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) membekalkan lori tangki air, 25 unit tangki air statik serta 25 unit pam air bernilai RM53,050 bagi membantu mengatasi masalah gangguan bekalan air di Kuala Nerus, Terengganu.

Sebanyak 28,700 akaun di daerah ini dan Kuala Terengganu terjejas berikutan gangguan bekalan air yang berlaku sejak Isnin lepas (2 Ogos 2021) dan kerja-kerja membaik pulih paip sedang giat dijalankan.

MRC telah menggerakkan 2 lori tangki air setiap hari yang membawa sebanyak 40,000 liter air setiap satu sejak semalam, untuk diagihkan kepada kawasan-kawasan yang terlibat demi memastikan kesihatan penduduk-penduduk yang terjejas terjamin dengan mendapatkan bekalan air bersih yang secukupnya bagi mengelakkan daripada jangkitan penyakit yang lain sewaktu musim pandemik ini.

Oleh kerana tempoh pembaikan kerosakan tersebut dijangka terpaksa dilanjutkan, Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang juga Ahli Parlimen Kuala Nerus, YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali mahu supaya bantuan bekalan air bersih yang secukupnya dapat disalurkan bagi mengelakkan daripada jangkitan penyakit yang lain sewaktu pandemik COVID-19 ini.

Encik Nurul Islam Mohamed Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif MRC berkata 25 unit pam air dan 25 unit tangki air statik yang boleh menampung kapasiti air sebanyak 600 gelen atau 2,271 liter akan ditempatkan di beberapa buah lokasi di 20 buah kampung yang terjejas di daerah Kuala Nerus bagi memudahkan penduduk mendapat bekalan air bersih antaranya Pusat Khidmat DUN Buluh Gading dan Dewan Orang Ramai Tepoh, di antara lokasi terawal.

Manakala MRC turut membekalkan 600 botol air mineral untuk diagihkan kepada penduduk-penduduk bagi memastikan mereka mempunyai bekalan air minum yang mencukupi sepanjang tempoh gangguan bekalan air di kawasan kediaman mereka yang terjejas sejak 2 Ogos lalu.

[TAMAT]